

**AMALAN *SOGIT* DALAM KALANGAN
MASYARAKAT DUSUN MUSLIM DI RANAU
SABAH: ANALISIS PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**



**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**AMALAN *SOGIT* DALAM KALANGAN
MASYARAKAT DUSUN MUSLIM DI RANAU
SABAH: ANALISIS PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **AMALAN SOGIT DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN MUSLIM DI RANAU SABAH: ANALISIS PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN**, Sesi **2020-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK
TERHAD**

Disahkan Oleh,

MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN
MU1921017T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh:


(Dr. Syamsul Azizul Bin Marinsah)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 Julai 2023

Mohammad Firdaus Bin Hasmin
MU1921017T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN**
NO. MATRIK : **MU1921017T**
TAJUK : **AMALAN SOGIT DALAM KALANGAN MASYARAKAT
DUSUN DI RANAU SABAH : ANALISIS PERSPEKTIF
HUKUM ISLAM**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**
TARIKH : **5 JULAI 2023**
VIVA



1. PENYELIA UTAMA

Dr. Syamsul Azizul Bin Marinsah

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Suraya Sintang

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjangkan ke hadrat Allah SWT. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya, pengkaji akhirnya dapat menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam ruangan ini, pengkaji ingin mengucapkan sekalung apresiasi dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penyelia, Dr. Syamsul Azizul bin Marinsah, kerana telah memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada pengkaji sepanjang penyelidikan dijalankan. Sumbangan idea beliau yang kritis, sangat membantu pengkaji dalam melaksanakan penyelidikan ini dari awal sehingga selesai. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Suraya Sintang, selaku penyelia bersama, atas teguran, nasihat serta cadangan penambahbaikkan dalam penyelidikan ini dari awal sehingga selesai. Pengkaji berdoa, semoga Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat dan berkat kepada kedua-dua penyelia pengkaji, dalam apa jua urusan sama ada dunia ataupun akhirat kelak.

Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada para pensyarah di Fakulti Pengajian Islam (FIS) Universiti Malaysia Sabah, khususnya kepada Dr. Mohd Nur Hidayat Hasbollah bin Hajimin dan Dr. Sarip bin Adul, atas saranan, buah fikiran, serta nasihat kepada pengkaji terutamanya dalam menambahbaik struktur penyelidikan ini. Selain itu, ribuan terima kasih turut ditujukan kepada Skim Bantuan Pascasiswa (SBP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana telah membiayai penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas dana penyelidikan yang diberikan di bawah Skim Geran Fundamental (FRGS) (kod projek: FRG0524-1/2019) kerana telah mendanai penyelidikan ini di bawah peruntukan yang disediakan sebagai pembantu penyelidik siswazah selama 2 tahun.

Seterusnya, ucapan penghargaan turut ditujukan kepada Mahkamah Anak Negeri (MAN), khususnya MAN daerah Ranau, Keningau dan Penampang, atas kerjasama, sokongan dan dorongan yang diberikan kepada pengkaji untuk merealisasikan kajian ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua penduduk kampung di daerah Ranau, khususnya yang terlibat dalam sesi pengumpulan data lapangan atas kerjasama dan kesudian untuk ditemu bual. Akhir sekali, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada kedua ibu bapa pengkaji, iaitu Almarhum Hj. Hasmin bin Usup dan Norsimah Binti Simon, atas setiap pengorbanan yang dilakukan demi melihat pengkaji berjaya dalam pengajian ini. Pengkaji berdoa, semoga Allah SWT menganugerahkan rahmat-Nya kepada kedua ibu bapa pengkaji di dunia dan di akhirat. Aamiin.

Mohammad Firdaus Bin Hasmin

5 Julai 2023

ABSTRAK

Suku kaum Dusun merupakan masyarakat peribumi yang majoriti di Sabah. Mereka mempunyai pelbagai bentuk amalan tradisional yang diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka, salah satunya adalah amalan *sogit*. Sehubungan itu, amalan *sogit* telah melalui suatu proses evolusi sewaktu berinteraksi dengan agama Islam dan Barat. Hasilnya, ia telah melahirkan dua bentuk pelaksanaan *sogit* yang berbeza di antara satu sama lain. Selain itu, *sogit* yang telah bersinergi dengan agama Islam, diwarnai oleh elemen terlarang, seperti kepercayaan khurafat dan tahlul yang bertentangan dengan hukum Islam. Walaupun, terdapat proses harmonisasi di antara *sogit* tradisi dengan Islam, namun masih terdapat kecenderungan terhadap saki baki unsur kepercayaan animisme yang berbentuk khurafat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan konsep *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Muslim di daerah Ranau dengan MAN berpandukan Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1995) (Kaedah, 1995). Seterusnya, menjelaskan perlaksanaan *sogit* yang masih diamalkan oleh masyarakat Dusun Muslim di daerah Ranau, Sabah. Di samping, menganalisisnya menurut perspektif hukum Islam. Sehubungan itu, kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Pengumpulan data dijalankan melalui metod dokumentasi, temu bual dan observasi. Data yang dikumpulkan dianalisis kandungan secara induktif dan komparatif bagi merumuskan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati, konsep *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Muslim di daerah Ranau, Sabah dan MAN adalah berbeza dan mempunyai peranan serta fungsi yang tersendiri. Selain itu, terdapat beberapa amalan *sogit* yang masih diamalkan oleh masyarakat Dusun Muslim di daerah Ranau, Sabah iaitu *sogit buka tanah*, *sogit* tanah / kepanasan kampung dan *sogit* kematian. Dari aspek hukum Islam pula, tidak semuanya bersifat *fasid*, tahlul dan khurafat. Malah ada amalan yang berhasil berbentuk kearifan tempatan, misalnya larangan keluar rumah ketika waktu hujan panas. Hal ini kerana, titisan air hujan yang turun ketikan cuaca panas, terdedah dengan udara persekitaran yang kering dan bertoksik. Oleh sebab itu, ia berbahaya kepada sesetengah individu yang berimun rendah seperti wanita mengandung, warga emas dan seumpamanya. Berdasarkan dapatan ini, satu analisis hukum Islam telah dilaksanakan terhadap perlaksanaan amalan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Muslim. Analisis ini, akan menjadi petunjuk dan penanda aras kepada masyarakat Islam, agar adat dan *urf* yang diamalkan tidak menyimpang daripada landasan syarak.

Kata Kunci: Dusun, Hukum Islam, MAN, Muslim, *Sogit*.

ABSTRACT

SOGIT PRACTICE AMONG THE DUSUN MUSLIM COMMUNITY IN RANAU SABAH: AN ANALYSIS ISLAMIC LAW PERSPECTIVES

The Dusun tribe is the majority indigenous community in Sabah. They have various forms of traditional practices inherited from their ancestors. One of them is the practice of sogit. Therefore, the practice of sogit has gone through an evolutionary process while interacting with Islam and the West. As a result, two different forms of sogit implementation have been created. Furthermore, sogit that has been integrated with Islamic religion is characterized by prohibited elements, such as superstitions that are contrary to Islamic law. Despite the fact that, there is a process of harmonization between traditional sogits and Islam, there is still a tendency towards this bald element of animistic belief which is in the form of superstition. Thus, the objective of this study is to compare the concept of sogit among the Muslim Hamlet community in Ranau district with MAN guided by the Native Customary Law (1995) (Kaedah, 1995). Next, explain the implementation of sogit that is still practiced by the Muslim village community in Ranau district, Sabah, in addition analyse it according to the perspective of Islam. Accordingly, this study is qualitative, by applying literature review together with fieldwork in achieving its objectives. Data collection is done using methods which include documentation, interview as well as observation. To sum up the findings, all data collected will be inductively and comparatively analyzed. The results of the study found that the concept of sogit among Muslim Dusun communities in Ranau, Sabah and MAN districts is different and has its own role and function. In addition, there are some sogit practices that are still practiced by the Muslim Hamlet community in Ranau district, Sabah that are different from the practice in MAN, namely open land sogit, land / village heat sogit and death sogit. From the aspect of Islamic law, not everything is fasid, superstition and superstition. There are even practices that result in the form of local wisdom, for example the prohibition of leaving the house during hot rain. This is because, during hot rain, raindrops are exposed to the toxic dry air environment. Therefore, it is dangerous for some individuals with low immunity such as pregnant women, the elderly and the like. Based on this finding, an analysis of Islamic law has been carried out on the implementation of sogit practices among the Muslim Dusun community. This analysis, will be a guide to the Muslim community, so that the customs and practices practiced do not deviate from the principles of Sharia.

Keyword : Dusun. Islamic Perspectives. Muslim. MAN. Sogit.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GAMBAR	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	13
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Kerangka Konseptual	13
1.6	Skop Kajian	16
1.7	Kepentingan Kajian	16



1.8	Sorotan Literatur	17
1.8.1	Kajian tentang Latar Belakang Kepercayaan Masyarakat Dusun Sabah	17
1.8.2	Kajian tentang Adat Istiadat Masyarakat Dusun Masyarakat Dusun	19
1.8.3	Kajian tentang Amalan <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun	24
1.8.4	Kajian tentang Amalan <i>Sogit</i> dari Perspektif Hukum Islam	30
1.9	Metodologi Penyelidikan	31
1.9.1	Metode Pengumpulan Data	32
1.9.2	Metode Analisis Data	39
1.10	Penyusunan Bab	41

BAB 2 : KONSEP *SOGIT* MASYARAKAT DUSUN MUSLIM DAN MAHKAMAH ANAK NEGERI

2.1	Pengenalan	43
2.2	<i>Sogit</i> Menurut Perspektif Masyarakat Dusun Muslim	43
2.2.1	Asal Usul	47
2.2.2	Makna dan Fungsi	51
2.3	<i>Sogit</i> Menurut Perspektif Mahkamah Anak Negeri (MAN)	57
2.3.1	Sejarah Pelaksanaan <i>Sogit</i> Mahkamah Anak Negeri	59
2.3.2	Fungsi dan Jenis	63
2.4	Perbandingan Konsep <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun dan Mahkamah Anak Negeri	76
2.5	Kesimpulan	80

BAB 3 : AMALAN *SOGIT* MASYARAKAT DUSUN MUSLIM DI DAERAH RANAU

3.1	Pengenalan	81
3.2	Amalan <i>Sogit</i> Buka Tanah	82
3.2.1	Pemilihan Tarikh	84
3.2.2	Menanda dan Membaca Doa	87
3.2.3	Sireh dan Pinang	89
3.2.4	Jamuan Makan	90
3.2.5	Pantang Larang Memasuki Hutan	91
3.3	Amalan <i>Sogit</i> Tanah	93
3.3.1	Laporan Kes Zina	95
3.3.2	Penyembelihan Binatang <i>Sogit</i>	97
3.3.3	Sembelihan Secara Terbuka	99
3.3.4	Pengagihan Daging Sembelihan	104
3.4	Amalan <i>Sogit</i> Kematian	108
3.4.1	Sembelihan Binatang	111
3.4.2	Mandi <i>Sogit</i>	113
3.4.3	<i>Sogit</i> Beras	114
3.4.4	Penghormatan Terakhir untuk si Mati	115
3.5	Kesimpulan	116

BAB 4 : ANALISIS HUKUM

4.1	Pengenalan	120
4.2	Amalan <i>Sogit</i> Buka Tanah Menurut Perspektif Hukum Islam	123
4.2.1	Kepercayaan Makhluk Halus Menetap di Kawasan Hutan	123
4.2.2	Membaca Doa untuk Memindahkan Makhluk Halus	126
4.2.3	Sireh dan Pinang Sebagai Hadiah	129

	Kepada Allah SWT	
4.2.4	Sireh dan Pinang Kepada <i>Bobolian</i> Untuk Dijadikan Jamuan Makhluuk Halus	132
4.2.5	Pantang Larang Memasuki Hutan	134
4.3	<i>Amalan Sogit Tanah</i>	155
4.3.1	Mengumpat (Bisa Cakapan) Pesalah Zina yang Belum Melaksanakan <i>Sogit</i> Atas Kesalahannya	156
4.3.2	Kepercayaan Anak Luar Nikah Mewarisi Dosa Ibu Bapa	160
4.3.3	Menyembelih <i>Sogit</i> Tanah Untuk Mendamaikan Semula Semangat Tanah Bagi Mengelakkan Berlaku Musibah	163
4.3.4	Memakan Daging <i>Sogit</i> Kepanasan Kampung yang Berpandukan Kepada Kaedah (1995)	166
4.4.	<i>Amalan Sogit Kematian</i>	176
4.4.1	Sembelihan Binatang Sebagai Jamuan Sempena Kematian	178
4.4.2	Mandi <i>Sogit</i>	182
4.4.3	<i>Sogit</i> Beras Kepada Ahli Keluarga Si Mati	189
4.4.4	Menahan Mayat (Tidak Dikebumikan) untuk Menunggu Kaum Kerabat Jenazah Tiba.	191
4.5	Kesimpulan	194

BAB 5 : PENUTUP

5.1	Pengenalan	199
5.2	Rumusan	200
5.2.1	Perbandingan <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun Muslim dengan <i>Sogit</i> Mahkamah Anak Negeri	201
5.2.2	<i>Sogit</i> Buka Tanah	202
5.2.3	<i>Sogit</i> Tanah	203
5.2.4	<i>Sogit</i> Kematian	204

5.3	Saranan dan Cadangan	205
5.3.1	Majlis Fatwa Negeri Sabah	206
5.3.2	Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JAHEINS)	206
5.3.3	Golongan Masyarakat	207
5.3.4	Kajian Lanjutan	208
5.4	Kesimpulan	208
RUJUKAN		211
LAMPIRAN		226



SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Senarai Subsuku Dusun	2
Jadual 1.2: Faktor Penolak dan Penarik Migrasi Suku Utama Dusun dari Perkampungan Nunuk Ragang	3
Jadual 1.3: Kluster Semangat dalam Kepercayaan Awal Orang Dusun.	18
Jadual 1.4: Kategori Sorotan <i>Sogit</i>	24
Jadual 1.5: Model Analisis Data Kualitatif Berdasarkan Tema	40
Jadual 2.1: Penjelmaan Anggota Tubuh Huminodun Setelah dikorbankan	48
Jadual 2.2: Fungsi <i>Sogit</i> Sebagai Penolak Bala	52
Jadual 2.3: Fungsi <i>Sogit</i> Sebagai Pemulih Semangat	53
Jadual 2.4: Fungsi <i>sogit</i> Sebagai Ikatan Perjanjian	54
Jadual 2.5: Fungsi <i>Sogit</i> sebagai Sedekah	56
Jadual 2.6: Takrifan <i>Sogit</i> daripada KD, KAN, WKAN, di MAN Ranau.	58
Jadual 2.7: Senarai Kaum Anak Negeri Sabah	64
Jadual 2.8: Jenis Kesalahan Adat (Kaedah 1995)	65
Jadual 2.9: Perbandingan <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun dan <i>Sogit</i> MAN	76
Jadual 3.1: Kewujudan Elemen Islam dalam <i>Sogit</i>	81
Jadual 3.2: Penjelasan Informan Tentang <i>Sogit</i> Buka Tanah	82
Jadual 3.3: <i>Rogon</i> dan <i>Tombiruo</i> dalam Kajian Lalu	83
Jadual 3.4: Pemilihan Tarikh yang Sesuai	84
Jadual 3.5: Nama Hari Dalam Kalendar Tradisi Dusun	86
Jadual 3.6: Menanda dan Membaca Doa	87
Jadual 3.7: Sireh dan Pinang	89
Jadual 3.8: Jamuan Makan	90
Jadual 3.9: Pantang Larang Masuk Hutan	92

Jadual 3.10: Pendefinisan Amalan <i>Sogit</i> Tanah	93
Jadual 3.11: <i>Sogit</i> Kepanasan Kampung dalam Kaedah (1995)	94
Jadual 3.12: Laopran Zina	95
Jadual 3.13: Penyembelihan Binatang <i>Sogit</i>	98
Jadual 3.14: Sembelihan Terbuka	99
Jadual 3.15: Sebab Sembelihan Secara Terbuka	100
Jadual 3.16: Pengagihan Daging Sembelihan	104
Jadual 3.17: Penerimaan Daging Sembelihan	104
Jadual 3.18: <i>Sogit</i> Kematian dan Pengkebumian dalam Kaedah (1995)	108
Jadual 3.19: Kepercayaan Musibah Kematian	109
Jadual 3.20: Sembelihan Semasa Kematian	111
Jadual 3.21: Mandi <i>Sogit</i>	113
Jadual 3.22: <i>Sogit</i> Beras	114
Jadual 3.23: Penghormatan Terakhir.	115
Jadual 3.24: Isu yang Perlu Dianalisis Daripada Perspektif Hukum Islam	116
Jadual 4.1: Pantang Larang Masuk Hutan.	134
Jadual 4.2: Klasifikasi Pantang Larang Berpandukan Isu	136
Jadual 4.3: Anak Luar Nikah Mewarisi Dosa Ibu Bapa	160
Jadual 4.4: Mendamaikan Semangat Tanah	163
Jadual 4.5: Keutamaan Mentaati Undang-Undang Tempatan: <i>Sogit</i> Kepanasan Kampung	172
Jadual 4.6: Daging <i>Sogit</i> Kepanasan Kampung Disedekahkan Kepada Penduduk Kampung	174
Jadual 4.7: Sembelihan Sempena Kematian	178
Jadual 4.8: Ringkasan Analisis Perspektif Hukum Islam	194

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Perbandingan Pelaksanaan Sogit Asal dan Sogit Kaedah (1995)	8
Rajah 1.2: Kerangka Konseptual	14
Rajah 1.3: Struktur Pentadbiran Adat Dusun Penampang	22
Rajah 1.4: Profil Informan Berdasarkan Jantina	38
Rajah 1.5: Profil Informan Berdasarkan DUN	39
Rajah 2.1: Peringkat Alam dalam Kepercayaan Orang Dusun.	45
Rajah 2.2: Kedudukan Bumi dalam kepercayaan orang Dusun.	45
Rajah 2.3: Evolusi <i>Sogit</i>	59
Rajah 2.4: Ringkasan Kronologi <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun Muslim dan Mahkamah Anak Negeri	78
Rajah 2.5: Proses Islamisasi dan Proses Formalisasi	79
Rajah 4.1: Kaedah Analisis Hukum	120
Rajah 4.2: Kerangka Analisis Hukum Pantang Larang	135

SENARAI GAMBAR

Halaman

Gambar 1.1: Pola Migrasi (keluar) Masyarakat Nunuk Ragang

4



SENARAI SINGKATAN

et al.	- Dan Rakan-Rakan
DUN	- Dewan Undangan Negeri
HR	- Hadith Riwayat
Inf	- Informan
JHEAINS	- Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah
Kaedah (1995)	- Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1995)
KAN	- Ketua Anak Negeri
KD	- Ketua Daerah
MAN	- Mahkamah Anak Negeri
O.K.K	- Orang Kaya-Kaya
SAW	- Sallallahu Alaihi Wassalam
SBBUB	- Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SS	- Sahibus Samahah
SWT	- Subhanahu Wa Ta'ala.
t.t	- Tanpa Tahun
WKAN	- Wakil Ketua Anak Negeri

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Dokumen Kajian	226
Lampiran B: Contoh Transkrip Temu Bual	232
Lampiran C: Gambar Kajian	240
Lampiran D: Senarai Penerbitan dan Persidangan	247



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Kadazandusun merupakan suku kaum yang majoriti di Sabah (Kerajaan Negeri Sabah, 2023). Daripada 3.90 juta orang penduduk di Sabah (DOSM, 2019), 30% daripadanya adalah masyarakat Kadazandusun (Kerajaan Negeri Sabah, 2023). Manakala, jumlah penduduk di daerah Ranau adalah 114,000 orang (DOSM, 2019). Pada dasarnya, istilah ‘Kadazandusun’ merupakan gabungan dua nama suku iaitu Dusun dan Kadazan. Menurut Low Kok On (2005), Dusun adalah suku, manakala Kadazan adalah subsuku bagi Dusun. Dari sudut etimologi pula, Dusun bermaksud ‘kebun’ manakala Kadazan bermaksud ‘kedai’ (Suraya Sintang, 2003). Berdasarkan pemaknaan tersebut, para akademik menyimpulkan bahawa penempatan masyarakat Dusun, sinonim dengan kawasan perbukitan dan pedalaman seperti Ranau, Tambunan dan Keningau. Manakala penempatan masyarakat Kadazan pula, sinonim dengan kawasan pinggir pantai yang aktif dengan kegiatan perdagangan seperti, bahagian Pantai Barat Sabah iaitu Penampang dan Putatan (Mat Zin, 2003; Bade John, 1996; Abdullah Siddik, 1975).

Seterusnya, dari sudut anutan agama, masyarakat Dusun dikenali sebagai pengikut agama Islam dan Pagan. Manakala Kadazan pula, dikenali sebagai pengikut agama Kristian (Tony Paridi, 2017; Mat Zin, 2003; Ismail Yusoff, 1997). Berpandukan kenyataan ini, pengkaji akan menggunakan istilah Dusun berbanding Kadazan bagi merujuk masyarakat Dusun yang beragama Islam di Ranau Sabah.

Menurut Pugh Kitingan (2012), Dusun memiliki banyak subsuku termasuk Kadazan. Menurut Dayu Sansalu (2008) dan Raymond Boin Tombung (1991), sekurang-kurangnya Dusun mempunyai 32 subsuku. Rujuk jadual 1.1;

Jadual 1.1: Senarai Subsuku Dusun

Bil	Suku Dusun	Bil	Suku Dusun
1	Bisaya	17	Minokok
2	Bonggi	18	Rungus
3	Bundu	19	Sonsogon
4	Dumpas	20	Sukang
5	Kadazan	21	Talantang
6	Keramuak	22	Tangara
7	Labuk	23	Tatana
8	Lamag	24	Tilan-Ilan
9	Sg. Kulu-kulu	25	Tinagas
10	Garo	26	Tindakon
11	Ida'an	27	Tindal
12	Kadayan	28	Tobilung
13	Kimaragang	29	Tolinting
14	Kuijau	30	Tuhawon
15	Liwan	31	Tutung
16	Lotud	32	Mangkaak

Sumber : Dipetik dan Diubahsuai daripada Pugh Kitingan (2012); Dayu Sansalu (2008); Raymond Boin Tombung (1991).

Menurut Low Kok On (2005), Arena Wati (1978) dan Anthony Reid (1997), suku utama Dusun berasal daripada perkampungan *Nunuk Ragang*. Secara etimologi, *Nunuk Ragang* adalah gabungan dua perkataan daripada bahasa Dusun iaitu ‘*nunuk*’ dan ‘*ragang*’ yang bermaksud ‘pokok ara’ dan ‘merah’ (Evans, 1953). Apabila kedua makna digabungkan, ia bermaksud kampung ‘Pokok Ara Merah’ (Evans, 1953).


Berdasarkan Profil Daerah Ranau perkampungan *Nunuk Ragang* masih wujud sehingga ke hari ini (Kerajaan Negeri Sabah, 2023). Kampung tersebut terletak di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paginatan Ranau. Dengan Berpandukan Evans (1922), suku utama Dusun dari *Nunuk Ragang* berhijrah ke seluruh daerah di Sabah atas beberapa faktor yang boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Rujuk jadual 1.2;

Jadual 1.2 : Faktor Penolak dan Penarik Migrasi Suku Utama Dusun dari Perkampungan *Nunuk Ragang*

Bil	Faktor Penolak (<i>Push Factors</i>)	Faktor Penarik (<i>Pull Factors</i>)
1	Pertambahan jumlah penduduk	Meneroka kawasan baharu yang lebih luas dan selesa
2	Penularan wabak penyakit berjangkit <i>Ragang tie</i> (wabak tahi merah/berdarah)	Meneroka kawasan baharu untuk melindungi diri dari wabak penyakit berjangkit
3	Peperangan di antara masyarakat <i>Nunuk Ragang</i> dan orang gua (bawah tanah). Peperangan tersebut berlaku kerana orang gua ingin melindungi diri mereka daripada wabak <i>Ragang tie</i> dengan membunuh orang <i>Nunuk Ragang</i> .	Meneroka kawasan baharu untuk melindungi diri daripada dibunuhan.

Sumber : Dipetik dan Diubahsuai daripada Evans (1922).

Sejajar dengan faktor-faktor tersebut, berikut merupakan pola migrasi masyarakat *Nunuk Ragang* ke seluruh daerah di Sabah. Rujuk gambar 1.1; .



Gambar 1.1 : Pola Migrasi (keluar) Masyarakat Nunuk Ragang.

Sumber : Jaipun Madisah (1986).

Berdasarkan gambar 1.1 tersebut, Jaipun Madisah (1986) dan Evans (1922), menjelaskan migrasi ini bergerak dengan menerusi dua sungai iaitu Liwagu dan Gelibang. Kedua sungai ini mengalir ke daerah Tambunan dan bahagian Timur Ranau. Selain daripada itu, berdasarkan foto 1.1 tersebut terdapat dua bentuk migrasi. Pertama, migrasi yang mengarah ke Pantai Timur (bahagian Lahad Datu; Sandakan, Semporna dan Tawau). Kedua, migrasi yang mengarah ke Pantai Barat (Ranau, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Papar, Tambunan, Bingkor dan Keningau).


Dengan berlakunya migrasi ini, masyarakat Dusun boleh dijumpai di keseluruhan daerah di Sabah (Jaipun Madisah, 1986). Di samping itu, ia turut memberi kesan terhadap pembentukan kepelbagai budaya masyarakat di Sabah (Hidayat Hasbollah et al., 2016), iaitu dengan melahirkan subsuku yang baharu. Walau bagaimanapun, menurut Pejabat Daerah Ranau (2021), penempatan utama masyarakat Dusun pada hari ini, masih lagi tertumpu di daerah Ranau, Sabah.

Dalam aspek latar belakang kepercayaan masyarakat Dusun pula, datuk nenek moyang mereka terdiri daripada orang-orang pagan yang berkepercayaan animisme

(selanjutnya akan diringkaskan kepada 'pagan animis') (Suraya Sintang, 2003 & Mat Zin, 2003). Kepercayaan tersebut, merujuk kepada *Kinorohingan* sebagai tuhan (Suraya Sintang, 2003). Manakala *Suminundu* adalah isteri kepada *Kinorohingan* (Low Kok On, 2005). Kedua-dua tuhan ini, mempunyai anak iaitu *Huminodun* (Low Kok On, 2005; Arena Wati, 1978). Justeru, sebelum masyarakat Dusun menganut agama monotheisme, mereka terdiri daripada penyembah tuhan-tuhan ini (Low Kok On, 2005; Mat Zin, 2003; Arena Wati, 1978).

1.2 Permasalahan Kajian

Sogit adalah amalan masyarakat Dusun, yang diwarisi daripada datuk nenek moyang sejak dahulu kala. Walaupun demikian, amalan ini tidak terlepas daripada menerima pengaruh luar yang mengakibatkan terjadinya perubahan dalam aspek kepercayaan dan juga pelaksanaannya.



Pada peringkat awal, amalan *sogit* berlatar belakangkan kepercayaan animisme. Perkara ini, disahkan oleh majoriti sarjana. Antaranya, Syamsul Azizul (2021; 2020) dan Pg Ismail et al., (2018). Kepercayaan animisme ditonjolkan dengan penglibatan semangat-semangat tertentu dalam setiap amalan mereka. Umpamanya, apabila berlaku pelanggaran adat istiadat, ia dipercayai akan menyebabkan keseimbangan alam terganggu. Menurut Arena Wati (1978) ia disebut sebagai *alasu* atau kepanasan. Kepanasan tersebut, pula dipercayai akan menyakiti kehidupan semangat-semangat di alam ghaib (Taib Osman, 1988 & Hanafi Hussin, 2007). Oleh sebab itu, ia perlu didamaikan semula agar dapat mengembalikan kesejahteraan dan keseimbangan alam (alam yang dihuni oleh manusia dengan alam yang dihuni oleh makhluk ghaib). Sekiranya kepanasan tersebut tidak disejukkan semula, semangat yang terkilan tersebut, akan mendatangkan musibah kepada kehidupan masyarakat Dusun (Arena Wati, 1978; Evans, 1952).